



**KENYATAAN AKHBAR
MENTERI KANAN PERTAHANAN**

**MENGENAI PELAKSANAAN PERINTAH KAWALAN PERGERAKAN (PKP) HARI
KE-202 DAN HARI KE-118 PERINTAH KAWALAN PERGERAKAN PEMULIHAN
(PKPP)**

Task Force Operasi Pematuhan

Task Force Operasi Pematuhan yang diketuai Polis Diraja Malaysia (PDRM) telah membuat 53,266 pemeriksaan semalam (4 Oktober 2020) bagi memantau dan menguatkuasa pematuhan Prosedur Operasi Standard (SOP) Perintah Kawalan Pergerakan Pemulihan (PKPP).

Sebanyak 2,702 Pasukan Pematuhan yang melibatkan 11,572 anggota telah membuat pemantauan di 3,552 pasar raya, 4,581 restoran serta 1,430 penjaja, 1,044 kilang, 3,416 bank dan 566 pejabat kerajaan. Juga dipantau, sebanyak 1,009 terminal pengangkutan darat, 250 terminal pengangkutan air serta 111 terminal pengangkutan udara.

Semalam (4 Oktober 2020), PDRM telah menahan 979 individu atas kesalahan ingkar arahan PKP. Daripada jumlah itu, seramai 944 individu telah dikompaun manakala 32 direman dan 3 dijamin. Antara kesalahan ingkar arahan PKP termasuk penjarakan fizikal (516), gagal menyediakan peralatan/rekod butiran diri (277), tidak memakai pelitup muka (163), premis beroperasi lebih masa (10), aktiviti dalam pub dan kelab malam (7), premis beroperasi tanpa lesen (2), langgar perintah kuarantin (2), enggan membuat saringan COVID-19 (1) dan keluar kawasan PKPDB tanpa kebenaran (1).

Kawalan Sempadan Negara

Operasi BENTENG yang melibatkan Angkatan Tentera Malaysia (ATM), Polis Diraja Malaysia (PDRM), Agensi Penguatkuasaan Maritim Malaysia (APMM), Jabatan Imigresen Malaysia (JIM), Jabatan Kastam Diraja Malaysia (JKDM), Agensi Kawalan Sempadan Malaysia (AKSEM) dan agensi-agensi lain mengawal ketat sempadan negara secara bersepadu dari dibolosi Pendatang Asing Tanpa Izin (PATI) bagi mengekang jenayah rentas sempadan selain mengekang penularan wabak COVID-19.

Semalam (4 Oktober 2020), Operasi Benteng telah berjaya melakukan tangkapan yang melibatkan 48 PATI, 2 tekong dan 4 penyeludup. Turut berjaya dirampas 7 kenderaan darat. Sebanyak 101 Sekatan Jalan Raya (SJR) Operasi Benteng dilaksanakan semalam yang melibatkan PDRM (79 SJR), AKSEM (10 SJR), dan ATM (12 SJR).

Kerajaan akan mengambil tindakan tegas terhadap mana-mana pihak yang cuba memasuki sempadan negara secara haram dan agensi-agensinya penguatkuasa akan terus mengetatkan kawalan kawasan sempadan terutamanya di lorong-lorong tikus.

Kuarantin Wajib

Sejak 24 Julai sehingga 4 Oktober 2020, seramai 38,321 individu telah pulang ke tanah air melalui pintu masuk sempadan antarabangsa dan telah ditempatkan di 66 Hotel dan 11 premis lain termasuk Institut Latihan Awam (ILA) serta Institusi Pengajian Swasta di Kuala Lumpur, Selangor, Negeri Sembilan, Pulau Pinang, Johor, Sarawak, Kelantan, Perak, Kedah, Perlis, Terengganu, Sabah dan Labuan. Daripada jumlah itu, seramai 8,698 individu sedang menjalani proses Kuarantin Wajib manakala 106 individu telah dihantar ke hospital untuk rawatan. Seramai 29,517 individu telah didiscaj dan dibenarkan pulang.

Mereka telah pulang dari 33 negara, iaitu Filipina, Thailand, Indonesia, Kemboja, Singapura, Vietnam, Brunei, Laos, Qatar, Pakistan, Arab Saudi, Hong Kong, India, UAE, Jepun, Turki, Korea Selatan, Iran, Nepal, Bangladesh, Myanmar, Timor Leste, Taiwan, China, UK, Belanda, Papua New Guinea, Mesir, Sepanyol, Perancis, Australia, New Zealand & Amerika Syarikat.

Operasi Sanitasi Awam COVID-19

Ops Sanitasi Awam di bawah kawal selia Kementerian Perumahan dan Kerajaan Tempatan (KPKT) sejak 30 Mac 2020 telah melakukan 10,172 operasi sanitasi merangkumi 135 zon. Sebanyak 13,073 premis telah disanitasi yang terdiri daripada 2,716 pusat perniagaan, 1,601 kawasan perumahan termasuk PPR, 2,624 tempat awam, 354 pasar raya, dan 5,778 bangunan kerajaan.

Semalam (4 Oktober 2020), sebanyak 13 operasi sanitasi meliputi 2 zon Merah, 2 zon Kuning dan 6 zon Hijau yang melibatkan 5 buah negeri antaranya Kedah (4 operasi), Pulau Pinang (4 operasi), Sabah (3 operasi), Sarawak (1 operasi) dan Terengganu (1 operasi).

Operasi sanitasi ini melibatkan 35 anggota dari Jabatan Bomba dan Penyelamat Malaysia (JBPM) dan 176 anggota Pihak Berkuasa Tempatan (PBT). Sebanyak 6 jentera JPBM turut terlibat dalam Operasi Sanitasi ini.

Barang Keperluan Asas

Semalam (4 Oktober 2020), Penguatkuasa Kementerian Perdagangan Dalam Negeri dan Hal Ehwal Pengguna (KPDNHEP) telah membuat pemantauan harian ke atas 12 jenis bekalan barangan di 665 premis perniagaan termasuk peruncit (474), pemborong (162) dan pengilang (29). Secara keseluruhan bekalan barangan keperluan mencukupi dan mampu menampung keperluan dalam negara yang berterusan dan mudah diperolehi.

Pegawai penguatkuasa KPDNEHP juga telah melakukan 1,052 pemeriksaan khas Pematuan SOP PKPP dan mendapati 1,045 premis mematuhi SOP yang telah ditetapkan manakala 7 premis diberi nasihat kerana tidak patuh SOP.

Dalam tempoh PKPP ini, Kerajaan ingin menggesa pengusaha dan orang ramai supaya sentiasa mengamalkan kawalan sendiri termasuk penjarakan sosial dan kebersihan diri terutamanya dalam aktiviti jual beli barangan keperluan harian.

Situasi COVID-19 di Sabah

Mesyuarat Khas Menteri-Menteri hari ini mendengar situasi semasa COVID-19 di seluruh negeri Sabah yang dibentangkan oleh KKM dan cadangan-cadangan dari kerajaan Negeri Sabah.

Sehubungan dengan itu, Mesyuarat Khas bersetuju melaksanakan arahan Perintah Kawalan Pergerakan Bersyarat (PKPB) di Kota Kinabalu, Penampang dan Putatan berkuatkuasa jam 12.01 tengah malam 7 Oktober 2020.

Pergerakan keluar masuk di ketiga-tiga kawasan PKPB ini adalah tidak dibenarkan.

Hanya Perkhidmatan Perlu (Essential Service) termasuk kilang-kilang dan rantaian yang berkaitan dalam perkhidmatan perlu adalah dibenarkan. Pihak Kementerian Perdagangan Antarabangsa dan Industri Malaysia (MITI) akan menyenaraikan jenis perkhidmatan perlu yang terlibat di kawasan tersebut.

Pelaksanaan PKPB ini bagi membendung jangkitan dan penularan COVID-19 dalam kawasan tersebut serta membolehkan aktiviti pengesanan kes secara bersasar dilaksanakan.

Antara SOP yang ditetapkan:

- Kemasukan ke Sabah adalah tidak dibenarkan KECUALI bagi warganegara yang berasal dari Sabah, Pemegang Pas-Pas yang dikeluarkan oleh Jabatan Imigresen Negeri Sabah yang berada di Semenanjung, Sarawak, Wilayah Persekutuan Labuan, dan pasangan yang menjalankan Perkhidmatan Perlu (Essential Services). Selain kategori ini, mereka diwajibkan mendapatkan kebenaran khas daripada Kerajaan Negeri Sabah.
- Hanya 2 orang sahaja dari sebuah rumah dibenarkan untuk keluar bagi tujuan mendapatkan bekalan makanan/keperluan rumah.
- Perniagaan Bukan Perkhidmatan Perlu (Non Essential Service) hendaklah ditutup.
- Restoran, kedai makan dan kedai runcit dan kedai serbaneka dibenarkan beroperasi antara 6.00 hingga 6.00 petang.
- Pembelian makanan hanya menggunakan kaedah pandu lalu, penghantaran (delivery) dan take-away sahaja.
- Waktu operasi stesen minyak antara 6.00 pagi hingga 6.00 petang sahaja.
- Operasi pasar harian adalah antara 6.00 pagi hingga 2.00 petang sahaja.
- Operasi pasar malam, tamu, pasar borong, dan pasar tani adalah tidak dibenarkan.
- Waktu operasi klinik dan hospital kerajaan dan swasta dibenarkan secara 24 jam.
- Farmasi dan kedai menjual ubat-ubatan beroperasi mulai 6.00 pagi hingga 6.00 petang sahaja.
- Aktiviti dan perkhidmatan di semua lapangan terbang dan pelabuhan dibenarkan beroperasi. Pergerakan petugas/ penumpang perlu mendapatkan kelulusan PDRM terlebih dahulu.
- Kenderaan yang membawa barangan keperluan (*essential*) dibenarkan keluar masuk dengan mendapatkan kebenaran PDRM terlebih dahulu.
- Perkhidmatan teksi/e-hailing (maksimum 2 penumpang) dan penghantaran makanan dibenarkan beroperasi dari jam 6.00 pagi hingga 8.00 malam sahaja.
- Perkhidmatan bas ekspres dan bas henti-henti tidak dibenarkan beroperasi.
- Bagi kes kecemasan adalah dibenarkan tetapi perlu mengemukakan permohonan pergerakan kepada pihak berkuasa.
- Penduduk yang bekerja tidak dibenarkan keluar dari kawasan dan tidak boleh bekerja sepanjang tempoh PKPB.
- Majikan hendaklah mematuhi perintah ini dan membenarkan pekerja bercuti atau bekerja dari rumah.
- Kebenaran untuk bekerja hanya bagi Perkhidmatan Perlu (*essential service*) dengan kelulusan PDRM.

-
- Masjid, Surau, rumah ibadat bukan islam, Institut Pengajian Tinggi Awam dan Swasta, Institut Latihan Kemahiran, Sekolah, Tadika, Taska, Pusat Tahfiz, Pusat Jagaan Kanak-Kanak.
 - Semua Aktiviti Sukan, Rekreasi, sosial, dan budaya adalah tidak dibenarkan.
 - PDRM bertanggungjawab melaksanakan kawalan ke atas kawasan tempatan jangkitan dengan bantuan ATM, APM & RELA.

Sebarang pertanyaan boleh diajukan kepada Bilik Gerakan Bencana Negeri Sabah di talian 088-369434

Kerajaan akan terus berbincang dengan Kerajaan Negeri Sabah untuk memantau situasi di seluruh daerah dan akan mendapatkan nasihat KKM dari semasa ke semasa sebelum mengambil sebarang tindakan.

YB DATUK SERI ISMAIL SABRI YAAKOB
MENTERI KANAN PERTAHANAN
5 Oktober 2020